

Newspaper	Sinar Harian
Date	19/07/2017

# Tun M ajak PM *semuka*

Sinar Harian - 19/7/2017 Pg. 2



Mahathir (empat, kanan) bersama anggota Exco Armada Bersatu menunjukkan poster logo rasmi Nothing To Hide 2, semalam.

MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

**PUTRAJAYA** - Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengajak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyertai beliau pada program *Nothing to Hide 2*, bulan depan.

Beliau berkata, melalui program itu, Najib berpeluang membersihkan namanya dengan menjawab pelbagai persoalan termasuklah isu berbilion ringgit masuk ke akaunnya.

"Bagi saya, ini merupakan satu platform baik bagi Najib dan saya untuk memberikan

**INFO**

- Hadir program *Nothing to Hide 2*

- Peluang bersih nama

## Logo Harapan ke ROS Jumaat

**PUTRAJAYA** - Pakatan Harapan akan menyerahkan permohonan penggunaan logonya kepada Jabatan Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada minggu ini.

Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, permohonan tersebut akan dihantar kepada jabatan itu selewat-lewatnya Jumaat ini.

"Sekiranya ROS tidak meluluskan logo tersebut, kami tiada masalah untuk menukarkannya. Tetapi, bagi alasan kukuh kenapa kami kena tukar logo itu," katanya.

penjelasan terhadap pelbagai isu. Penonton boleh melontarkan pelbagai soalan kepada kami untuk dijawab.

"Jadi saya harap, Najib tidak mengecewakan rakyat dengan hadir pada program terbabit. Perdana Menteri tentunya kena bercakap benar dan semestinya rakyat hendak mendengar kebena-

ran daripada Najib," katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, *Nothing to Hide 2* tetap diadakan walaupun Najib enggan menghadiri program tersebut.

Katanya, beliau juga tidak mempunyai masalah mene-

ruskan sesi soal jawab jika Najib ingin mewakilkan menteri lain.

"Kalau Najib terpaksa wakilkan orang lain untuk dirinya, tidak mengapa tetapi kesannya tidak begitu kuat seperti Najib (sendiri).

"Kalau Najib atau menteri lain pun tak datang, program ini tetap akan diteruskan sekiranya ada wartawan dan penonton yang ingin bertanya soalan kepada saya," ujarnya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Armada, Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir berkata, program dijangka berlangsung di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam, 13 Ogos depan dan surat permohonan penganjuran akan dihantar kepada pihak berkuasa dalam masa terdekat.